

Elak musibah

Terowong SMART atasi banjir, sesak di Kajang

BANJIR kilat yang berlaku di pusat bandar Kajang baru-baru ini mengakibatkan kerugian jutaan ringgit apabila 250 kenderaan rosak dan lebih 100 deretan kedai ditenggelami banjir yang tidak diduga.

Banyak aduan tertumpu kepada Majlis Perbandaran Kajang serta Jabatan Pengaliran dan Saliran akibat longkang tersumbat atau saliran air serta sungai berdekatan yang cetek.

Pusat bandar Kajang dianggap kawasan paling sesak pada waktu puncak terutama kesesakan lalu lintas yang berlaku antara simpang menghala ke Kuala Lumpur, Putrajaya dan Seremban.

Dengan penduduk yang agak pa-

dat, keperluan trafik bersistematik dan saliran air canggih perlu dibina segera.

Saya cadangkan dibina sistem pengurusan banjir dan lalu lintas seperti terowong SMART di laluan pusat bandar Kajang untuk mengatasi segala masalah termasuk kesesakan lalu lintas.

Suatu ketika dulu Kuala Lumpur sering dilanda banjir kilat tetapi selepas dibina terowong SMART sebahagian besar ibu negara terhindar daripada musibah itu setiap kali hujan lebat.

**SYED ABDULLAH
SYED OSMAN
JAMALULLAIL,**
Ampangan, Seremban.